

Bantu dana Yayasan Budiman — Abdullah

UM 12 NOV 2001
Oleh HELMI MOHD FOAD

KUALA LUMPUR 11 Nov. — Graduan Universiti Teknologi Mara (UiTM) disaran supaya sentiasa berusaha untuk meningkatkan jumlah tabungan dalam dana Yayasan Budiman bagi membantu mahasiswa yang kurang berkemampuan.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, melalui cara ini, mereka turut sama menyumbang bakti dalam memastikan anak bangsa tidak tercicir dalam meneruskan pendidikan mereka.

“Dana itu penting bagi membantu pelajar UiTM yang kurang mampu dari segi kewangan agar mereka dapat meneruskan pengajian,” katanya pada majlis makan malam Yayasan Budiman Universiti Teknologi Mara (UiTM) 2001 di Hotel Istana di sini malam ini.

Hadir sama pada majlis yang dihadiri oleh 1,200 alumni UiTM itu ialah Pengerusi Yayasan Budiman UiTM, Tan Sri Mohd. Salleh Sulong dan Naib Canselor UiTM, Datuk Dr. Ibrahim Abu Shah.

Menurut Abdullah, sejak UiTM ditubuhkan, ia telah memberi banyak sumbangan dalam menjayakan Dasar Ekonomi Baru (DEB) serta menyusun semula sosioekonomi masyarakat.

Jelasnya, 30 tahun lalu, masyarakat bumiputera tidak mempunyai ramai golongan profesional, saintis dan ahli perniagaan.

Bagaimanapun katanya, kerajaan telah berusaha mengubah keadaan itu dan antara usaha yang dilakukan ialah menerusi bidang pendidikan, termasuk penubuhan UiTM, yang telah memungkinkan kemunculan masyarakat baru profesional dari kalangan bumiputera.

“Kita bangga kerana kejayaan graduan UiTM telah membolehkan keupayaan negara untuk terus membangun ditingkatkan.

“Graduan UiTM telah dapat membuktikan bahawa mereka mampu menjadi anak-anak bangsa yang dapat beri sumbangan kepada kemajuan negara,” ujarnya.

Katanya, kejayaan graduan UiTM dapat dilihat daripada dua sudut iaitu meramaikan masyarakat kumpulan usahawan bumiputera dan menyumbang terhadap pertambahan golongan profesional bumiputera dalam pelbagai bidang.

Kemampuan

Oleh itu, katanya, orang-orang Melayu sekarang mempunyai kemampuan itu untuk memberikan derma lebih besar bagi membantu mereka yang memerlukan.

Pada majlis itu, Yayasan Budiman menerima sumbangan cek berjumlah RM180,000 daripada penderma-penderma individu.

Yayasan itu turut menerima sumbangan sebuah kondominium bernilai RM250,000 dari Naib Pengerusi KTA Tenaga Bhd. Datuk Ir Dr. Abdul Rashid Maidin.

Yayasan Budiman UiTM telah dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 26 Ogos 1999 sempena Perhimpunan Siswazah Institut Teknologi Mara (ITM).

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut mengumumkan pertukaran nama ITM kepada UiTM.

Pkrdana Menteri turut melancarkan dana yayasan itu pada majlis makan malam pertama yayasan itu yang diadakan 21 April tahun lalu.